

Meninjau ke Alam Akhirat.

Al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm - Telaga al-Kauthar

(Ibn al-Qayyim, al-Qurṭubī, dan al-Qurāfī menghuraikan dengan sejelas-jelasnya tentang *Al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm*, Telaga al-Kawthar dan *al-mīzān* - neraca - tiga benda yang mempunyai kedudukan yang penting dalam alam akhirat kelak).

Di antara wajib kita iktikadkan dan ada sangkut pautan dengan iman akan hari akhirat, ialah soal “*al-Ṣirāṭ*”. *Al-Ṣirāṭ* menurut pengertian ahli syarak, ialah jambatan yang direntang atas neraka *Jahannam* yang dilalui oleh sekalian manusia. Demikian semenjak *Jahannam* dijadikan.

Al-Qurṭubī berkata: Bahawasanya di akhirat ada dua jambatan. Salah satu dari keduanya tempat lalu-lalang ahli Mahshar, terkecuali mereka yang masuk ke syurga dengan tidak dihisab, dan dikecualikan pula orang yang dihela oleh neraka. Apabila telah lepas dari *ṣirāt* yang sangat besar (dan yang terlepas hanya orang-orang yang beriman, yakni segala mereka yang tidak habis kebajikannya oleh *qīṣās*), maka ditahan atas suatu jambatan lagi, dan mereka tidak kembali ke neraka kerana mereka telah melalui *ṣirāt* yang pertama yang diletakkan atas neraka *Jahannam*.

Rasulullah (S.A.W) bersabda: “Orang-orang yang beriman terlepas dari neraka lalu mereka ditahan atas suatu *qanṭarah* (jambatan) antara *Jahannam* dengan Syurga. Maka di situ dituntut dari mereka menjelaskan segala *mazālim* (perbuatan-perbuatan aniaya) yang mereka lakukan di dunia. Setelah mereka bersih, baharulah mereka diizinkan masuk syurga”.

Ini mengenai mereka yang tidak ke neraka. Ada pun mereka yang telah ke neraka, maka mereka tidak ditahan lagi di jambatan ini. Setelah mereka keluar dari neraka, mereka pun berhamburan dalam sungai syurga.

Mengenai *qanṭarah* (jambatan) ini alim ulama berselisihan, ada yang berkata: Tidak seseorang melalui *ṣirāt* sehingga ditanyai atas tujuh *qanṭarah* (jambatan). Atas *qanṭarah* pertama ditanya tentang hal iman, iaitu tentang shahādah tauhid, jika dapat dijawab baharulah dapat dilalui. Atas *qanṭarah* kedua pula ditanya tentang hal sembahyang. Jika ia dapat menjawab dengan sempurna, ia akan dapat melaluinya. Di jambatan yang ketiga ditanya tentang hal puasa. Jika puasa itu sempurna, ia akan dapat melaluinya. Di jambatan yang keempat ditanya tentang zakat. Jika sempurna, baharulah ia akan dapat melaluinya. Di jambatan yang kelima ditanya tentang hal haji dan umrah. Jika keduanya sempurna, baharulah ia akan dapat melaluinya. Di jambatan yang keenam ditanya tentang mandi dan wuduk. Jika sempurna, dapatlah ia melaluinya. Di jambatan yang ketujuh ditanya tentang hal penganiayaan yang dilakukan terhadap manusia. Di jambatan inilah diperoleh kesukaran yang sangat hebat (‘*Aqīdah* 2: 184).

Semua ulama menetapkan adanya *ṭirat*¹, hanya sebahagian menetapkan atas kezahirannya, yakni: jambatan

¹ *ṣirāt*

yang direntangkan atas *Jahannam* yang lebih tajam dari pedang, lebih halus dari rambut.

Al-Qaḍī ‘Abd al-Jabbār mengingkari yang demikian itu.

Al-‘Allāmah al-Qarāfī tidak membenarkan bahawa jambatan lebih halus dari rambut, lebih tajam dari pedang, demikian juga *Sulṭān al-‘Ulamā* ‘Izz al-Dīn berpendapat demikian.

Al-Qarāfī berkata: *Ṣirāt* itu lebar.

Ada yang berkata: Bahawa *ṣirat* itu, ialah dua jalan di sebelah kanan dan sebelah kiri: *Ahl al-sa‘ādah* berjalan ke sebelah kanan, sedang *ahl al-shaqāwah* berjalan ke sebelah kiri. Semua hamba Allah mestilah melaluinya, kerana dia terletak di antara mawqif (Padang Mahshar?) dan syurga.

Menurut pendapat ahli hadis, bahawa *ṣirāt* telah dijadikan sekarang (yakni sudah ada sekarang ini).

Al-Ḥilmī berkata: Tak ada keterangan bahawa *al-ṣirāt* telah wujud melainkan hingga orang-orang *muwahhidīn* (yang mengesakan Allah) keluar dari neraka lalu melaluinya ke syurga.

Satu lagi di antara kepercayaan menurut pendapat ulama *Kalām*, lebih dahulu pergi meminum air *ḥawḍ* (kolam) yang telah diuntukkan kepada Nabi kita Muhammad (S.A.W).

Dalam salah satu hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī, Nabi ada bersabda:

“Kolamku, perjalanan sebulan panjangnya, airnya putih, lebih putih daripada susu, baunya lebih wangi daripada bau kasturi dan batil-batilnya sebanyak benteng di langit, barang siapa telah meminumnya tidaklah ia akan haus lagi.”

Dalam pada itu, ulama-ulama *Kalām* tiada mengkafirkan mereka yang mengingkari kepercayaan ini, hanya mereka mempasakkannya. Orang Muktaizilah mengingkari adanya kolam itu.

Dan semua hadis yang menerangkan *ḥawḍ* ini, tidak menghasilkan yakin: Seyogia diingat, bahawa tidak ada keterangan yang sah, yang menyatakan tempatnya *ḥawḍ*. Ada yang mengatakan sebelum akhirat, dan ada pula yang mengatakan sesudahnya. Menurut zahir hadis, “*ḥawḍ*” itu, terletak berhampiran dengan syurga, seperti yang dikatakan oleh al-‘Asqalānī. *Wa Allāhu a‘lam*.

Di dalam “*al-Tadhkirah*” al-Qurṭubī berkata:

Nabi kita Muhammad (S.A.W) mempunyai dua *ḥawḍ*. Pertama di *mawqif* sebelum sirat, dan kedua di *Jannah* (di syurga). Keduanya dinamai “*kawthar*”.

Muktazilah tidak mengakui akan adanya *ḥawḍ* yang tersebut. Al-Qur’ān tidak menetapkan adanya dengan nas yang *ṣarīh*.

Mengenai firman Allah: “*Innā a‘aināka al-kawthar*”, banyak perselisihan padanya. Ada yang berkata bahawa yang dikehendaki dengan “*al-kawthar*” ialah kebajikan yang banyak, atau sungai yang di dalam syurga.

Dalam sunnah terdapat nas yang menegaskan adanya *ḥawḍ*. Hadis-hadis itu, sebahagian ulama memandangnya mutawatir. Sebahagian yang lain, tidak.

Menurut riwayat al-Tarmidhī, masing-masing Nabi mempunyai sebuah *ḥawḍ*, didatangi oleh umatnya.

Mengenai al-Kawthar (sungai dalam syurga) maka hal itu diisbatkan oleh hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dari Ānas (‘Akidah 2: 195), dan oleh


Muslim dari hadis Mukhtār bin Falfal dari Ānas,
demikian juga oleh al-Tarmidhī dari hadis ‘Abdullah
bin ‘Umar.

Di dalam kitab *Hādī al-Arwāḥ ilā Manāzil
al-Farāḥ*”, Ibn al-Qayyim berkata: Mujāhid berkata, bahawa
makna “*al-kawthar*” dalam firman: “*Innā a ‘ṭaināka*
Muslim dari hadis Mukhtār bin Falfal dari Ānas,
al-kawthar” ialah kebajikan yang banyak. Manakala Ānas pula
pula berkata: Sebuah sungai dalam syurga. (‘Akidah
2: 196).

Ada pun “*salsabīl*” itu pula, menurut pendapat,
ialah nama sebuah mata air dalam syurga.

a. Alim ulama berselisih faham tentang *mīzan*
(neraca amal), adakah ia satu sahaja atau banyak
pendapat yang mahsyur, *mīzan* itu ialah satu sahaja
untuk semua umat dan untuk segala amal.

Setengah ulama berkata: Tiap-tiap umat mempunyai
satu *mīzan*. Hassan al-Baṣrī berkata: Tiap-tiap orang
mempunyai *mīzan* sendiri. Seseengah ulama lagi berkata:
Yang lebih nyata kita menetapkan bahawa *mīzan* itu banyak,
mengingat firman Allah Taala: “*wa naḍa ‘u al-mawāzīna al-qīṣṭa*”
(Kami letakkan timbangan-timbangan yang adil); dan firman Allah
lagi: “*fa man thaḡalat mawāzīnuhu*” (Maka barang siapa berat
timbangan-timbangannya). Kalau demikian, haruslah amalan-amalan hati
mempunyai mizān, perbuatan-perbuatan anggota mempunyai *mīzan*.



Suatu barisan dalam masa menyambut Hari Keputeraan Queen di Singapura baru-baru ini.

b. Alim ulama berselisihan tentang benda yang ditimbang dalam mīzān atau neraca itu. Ada yang berkata: Orang dan amalnya sekali, ada yang berkata amalnya sahaja. Amal-amal yang baik dirupakan dengan rupa nurani yang indah, lalu diletakkan dalam daun neraca sebelah kanan yang terang-benderang. Amal-amal buruk pula dirupakan dengan benda yang hodoh lagi gelap, lalu diletakkan dalam daun neraca sebelah kiri yang gelap.

Ada yang berpendapat bahawa timbang itu *ṣuḥuf-ṣuḥuf* (surah-surah) amalan. Inilah pendapat yang disahihkan oleh Ibn ‘Abd al-Bar, al-Qurtubī dan dibenarkan oleh Shaykh Mar’ī dalam “*Bahjah*”nya.

Al-Nasafī dalam *Baḥr al-Kalām* berkata: Bahawa iman sentiasa tidak ditimbang kerana iman tidak ada lawannya yang diletakkan dalam neraca yang sebelah lagi. Lawannya kufur. Iman dan kufur tidak terdapat pada diri seseorang.

t. Ada pun hikmah ditimbang amalan pada hal Allah mengetahui segala sesuatu, ia untuk menzahirkan keadilan dan keutamaan, dan untuk menerangkan pada hamba-hambanya balasan yang patut mereka terima.

Menurut zahir *athar* dan pendapat ulama bahawa cara menimbang itu, seperti keadaan, yang berat turun ke bawah kemudian diangkat ke “*‘illiyyīn*” (syurga), yang ringan naik ke atas kemudian diturunkan “*sijjīn*” (neraka).

Banyak pendapat ulama dalam hal apa yang akan ditimbangkan dalam neraca amalan dan tentang neraca atau mīzān itu? (lihat *Tafsir al-Manār* 8: 321)

Sebab perselisihan-perselisihan itu ialah kerana:

1. Bermacam-macam rupa riwayat yang diterima dari alim ulama *al-salaf*. Kebanyakannya tidak sah dan tidak

dapat dijadikan hujah dalam soal amalan, apa lagi dalam soal iktikad.

2. Berselisihan dalam membahaskannya.

3. Menggunakan fikiran dan khayal.

Puak Muktaẓilah salah dalam membanding alam ghaib kepada alam *shahādah* (alam kenyataan). Mereka tidak membenarkan timbangan dengan alasan bahawa sifat-sifat itu tidak ditimbang.

Ahli Sunnah berkata: Amalan-amalan itu dijadikan berupa tubuh atau diletakkan dalam setengah rupa yang bertubuh, atau *ṣuḥuf-ṣuḥuf* itulah yang timbang akan dia.

Dasar yang dipegang oleh ulama salaf dalam hal yang seperti ini, ialah segala ditetapkan oleh al-Qur’ān dan al-Sunnah, ialah benar, dan janganlah kita menggunakan fikiran untuk menentukan sifat dan keyakinan.

Kita beriman bahawa pada hari akhirat akan adanya timbangan (neraca) amalan dan kita tetapkan bahawa amalan-amalan itu ditimbang dengan timbangan yang layak dengan alam akhirat. Dengan dialah ditimbang iman, akhlak dan amal. Jangan kita membahaskan rupa dan kelipatnya dan tentang daun neraca. - (*Tafsir al-Manār* 8: 325).



Tunku Abdul Rahman (kiri) Datuk Abdul Razak bin Hussein (tengah) dan Tuan Lim Yew Hock dalam masa istiadat penyerahan Angkatan Laut Singapura kepada Persekutuan Tanah Melayu.